

## AL-SA'ADAH DALAM AL-QURAN DAN AL-SUNNAH: ANALISIS PANDANGAN SHAH WALI ALLAH AL-DIHLAWI

\*Noraini Junoh

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

\*email: [jannahadnin@yahoo.com](mailto:jannahadnin@yahoo.com)

Submission date: 15 Feb 2018 Accepted date: 15 April 2018 Published date: 20 May 2018

### Abstract

Every person has his or her own definition and view on a meaning of happiness and most of us relate it with materialistic. This study was conducted to help us to understand a concept of *al-sa'adah* or a true definition of happiness in greater details. It highlights on the happiness based on a manuscript entitled *Hujjah Allah al-Balighah* written by Shah Wali Allah which is based on al-Quran and al-Sunnah views and also a main reference of this study. Besides that, this study used any primary and secondary sources available at a library and the study was written as a qualitative. A conceptual framework used in this study was improvised based on content method analysis. Based on the findings, it shows that the concept of *al-sa'adah* proposed by Shah Wali Allah corresponds to the views in al-Quran and al-Sunnah. He stresses that the most awaiting and exciting happiness of a person is the hereafter.

**Keywords:** *al-sa'adah*, al-Quran dan al-Sunnah, Shah Wali Allah al-Dihlawi

### Abstrak

Kebahagiaan adalah tuntutan manusia zaman berzaman, namun kefahaman manusia tentangnya adalah pelbagai dan sebahagian besar bersifat materialistik. Kertas kerja ini menjelaskan konsep *al-sa'adah* atau hakikat kebahagiaan yang dikemukakan oleh Shah Wali Allah al-Dihlawi berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Kajian penyelidikan yang digunakan berdasarkan kaedah kualitatif dengan merujuk kepada sumber utama dan sekunder yang terdapat di perpustakaan. Kerangka konseptual dibentuk dan dimantapkan menggunakan kaedah analisis kandungan. Rujukan utama kajian ini adalah kitab *Hujjah Allah al-Balighah*, karya terkenal Shah Wali Allah. Kajian ini mendapati bahawa konsep *al-sa'adah* yang diketengahkan oleh Shah Wali Allah adalah selari dengan al-Quran dan al-Sunnah. Menurut beliau, kebahagiaan yang paling utama adalah kebahagiaan akhirat, sementara kebahagiaan dunia adakalanya tipuan semata-mata atau menjadi penghubung kebahagiaan akhirat. Manusia memperolehi kebahagiaan hakiki apabila dapat menundukkan sifat haiwannya (*bahimiyyah*) kepada kehendak sifat malaikat (*malakiyyah*). Dalam hal ini, akal menjadi pengukur nilai kebahagiaan hidup manusia apabila ia berjaya mengatasi nafsunya. Menurutnya lagi, manusia memerlukan empat akhlak utama untuk mencapai kebahagiaan yang hakiki iaitu; *taharah*, *ithbat lillah ta'ala*, *samahah* dan *'adalah*. Empat akhlak ini hanya dapat dicapai dengan mengkombinasikan ilmu dan amal. Ilmu sebagai prasyarat yang sangat penting dan amal adalah penyempurnaan daripada ilmu. Maka, kebahagiaan hakiki hanya dapat dimiliki dengan ilmu (iman) dan amal soleh.

**Kata Kunci:** *al-sa'adah*, al-Quran dan al-Sunnah, Shah Wali Allah al-Dihlawi

## 1.0 PENGENALAN

Manusia sentiasa ingin mencapai kebahagiaan, kebaikan, kejayaan dan keberkatan dalam hidupnya. Pelbagai cara dilakukan untuk memperoleh kebahagiaan sehingga persepsi dan definisi kebahagiaan itu berbeza di kalangan manusia. Dalam kehidupan sehari-hari, manusia berasa gembira atau bahagia apabila memperoleh pangkat tinggi, harta kekayaan yang melimpah, anak-anak bergaji besar, memperolehi keuntungan yang berganda dalam perniagaan dan seumpamanya. Hemat kata, kebahagiaan dan kejayaan bagi kebanyakan manusia berdasarkan ukuran material semata-mata. Sememangnya Islam tidak menolak kebahagiaan dunia sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan ada pula di antara mereka ada yang berdoa, “Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan lidungilah kami dari azab api neraka.” (al-Baqarah 2:201)

Kebaikan dalam ayat di atas meliputi kebahagiaan dari sudut rohani dan jasmani. Kebahagian rohani dicapai melalui ilmu dan akhlak utama. Manakala kebahagian jasmani memfokuskan kesihatan dan keindahan fizikal serta kebahagiaan dalam memperoleh harta dan pangkat (al-Razi, t.t.). Begitu juga tujuan syariat yang diturunkan oleh Allah SWT adalah untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Berkaitan dengan kebahagiaan dunia juga, Rasulullah SAW bersabda sebagaimana maksudnya:

Ada empat kebahagiaan dunia; isteri yang solehah, tempat tinggal yang luas, tetangga yang baik dan kenderaan yang elok. Ada empat kesengsaraan; tetangga yang buruk, isteri yang buruk, rumah yang sempit dan kenderaan yang buruk. (al-Farisi, 1993: *Zikr al-Ikhbar ‘an al-Asyya’ allati hiya min Sa‘adah al-Mar‘i fi al-Dunya*, no. Hadis 4032, 340)

Inilah kebahagiaan dunia yang didambakan manusia. Hal ini kerana empat perkara tersebut merupakan hal-hal yang menyenangkan jiwa dan menjadikan kehidupan lebih indah dan bahagia. Namun, sekiranya tidak diuruskan dengan baik, ia akan mendatangkan kecelakaan dan keburukan dalam hidup manusia. Hanya dengan iman dan amal yang sempurna, manusia dapat membawa empat perkara tersebut ke arah kebahagiaan akhirat. Apabila ditanya tentang kebahagiaan, Rasulullah SAW juga menyatakan sebagaimana maksudnya:

Kebahagiaan sebenar adalah panjang umur dalam melakukan ketaatan kepada Allah SWT. (al-Hadad, 1987: *Kitab al-Sabr wa al-Syukr*, no. Hadis 3395, 2152)

Dengan sebab inilah para Nabi dan wali serta alim ulama tidak menyukai mati kerana dunia ini laksana ladang akhirat. Apabila ibadah bertambah dengan sebab panjang umur, maka pahala yang diterima lebih banyak. Keadaan jiwa lebih bersih dan suci serta meningkatkan kesempurnaannya (al-Ghazali, 1923).

Justeru, Islam secara mendasar dan global telah menyatakan konsep kebahagiaan dalam al-Quran dan al-Sunnah. Dengan demikian, Islam mengingatkan manusia agar unsur kelengkapan untuk menuju bahagia itu diidealkan berjalan seiringan, iaitu kebahagiaan dunia menjadi pemangkin kebahagiaan akhirat. Dengan sebab inilah Shah Wali Allah (1999) yang bermazhab *fiqh* Hanafi dan pengikut *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah* telah membuat perbahasan yang khusus dan komprehensif tentang konsep kebahagiaan manusia dalam kitab *magnum opusnya* iaitu *Hujjah Allah al-Balighah*.

## 2.0 METODOLOGI

Kajian kepustakaan digunakan sepenuhnya dalam usaha meneliti konsep *al-sa‘adah* yang dikemukakan oleh Shah Wali Allah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Kajian ini secara asasnya mempraktikkan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk analisis kandungan. Pengumpulan data diperolehi melalui kaedah analisis dokumen melalui pengumpulan bahan yang bercetak yang terdiri daripada buku, artikel-artikel jurnal dan tesis yang berkaitan dengan konsep *al-sa‘adah*. Seterusnya metod penganalisisan data dilakukan menerusi kaedah analisis kandungan melalui pencerakinan kepada beberapa bahagian penting iaitu kehidupan dan karya Shah Wali Allah, konsep *al-sa‘adah* dan kaedah memperolehi kebahagiaan menurut Shah Wali Allah.

### 3.0 KEHIDUPAN DAN KARYA SHAH WALI ALLAH AL-DIHLAWI

Nama sebenar adalah Qutb al-Din Ahmad bin Abd al-Rahim bin Wajih al-Din al-Syahid bin Mu'azam bin Mansur bin Ahmad bin Mahmud bin Qiwan al-Din al-Diqli. Dilahirkan pada hari Rabu, 21 Februari 1703M bersamaan 4 Syawal 1114H di Phulat, sebuah kota kecil berdekatan Delhi dan wafat pada tahun 1762M/1176H (Shah Wali Allah, 1999). Beliau lahir 4 tahun sebelum kematian Aurangzeb (Sharif, 1966). Beliau dikenali sebagai "Shah Wali Allah" dan keturunan Arab Quraisy iaitu Saidina 'Umar al-Khattab (sebelah bapanya) dan Imam Musa al-Kazim (sebelah ibunya) (al-Siyalkuti, 1999).

Beliau seorang ulama India yang berwibawa pada abad ke-18 dan digelar sebagai *mujaddid alaf al-thani* (Abdul Salam, 2007). Mendapat didikan yang sempurna daripada ayahnya sendiri. Pendidikannya telah bermula sejak usia lima tahun dan pada usia tujuh tahun, beliau telah khatam bacaan dan hafalan al-Quran (Jalbani, 1993). Beliau telah mempelajari ilmu tafsir, hadis, fikih, *usul al-fiqh*, kalam dan lain-lain lagi. Beliau juga telah menguasai ilmu falsafah, logik, bahasa Arab, sintaksis, retorik dan lain-lain lagi (Muhammad al-Ghazali, 2000). Beliau amat cintakan ilmu pengetahuan dan mengabdi seluruh hidupnya untuk menyampaikan ajaran Nabi Muhammad SAW kepada umat Islam.

Sebagai seorang *mujaddid*, beliau telah menggunakan medium penulisan untuk memurnikan kembali ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini kerana masyarakat Islam pada masa itu hidup dalam kejumudan dan taklid buta (Abdul Hayei, 1998). Beliau telah menghasilkan banyak karya dalam pelbagai bidang. Antara karyanya yang masyhur adalah kitab *Hujjah Allah al-Balighah*, iaitu sebuah ensiklopedia yang menjadi rujukan kepada umat Islam dalam mengetahui rahsia-rahsia syariat Ilahi (Azharudin, 2002). Antara karya dalam bidang pengajian al-Quran adalah *Fath Rahman fi Tarjamah al-Quran*, *al-Fawz al-Kabir* dan *al-Fath al-Kabir*. Bidang Hadis pula merangkumi kitab *al-Musawa min Ahadith al-Muwatta*, *Musaffa Sharh Muwatta*, dan *Sharh Tarajim Ba'd Abwab al-Bukhari* (Jalbani, 1993). Selain daripada karya tersebut, banyak lagi karya yang dihasilkan meliputi bidang falsafah, perundangan, politik, tasawuf, sejarah dan bibliografi (Muhammad al-Ghazali, 2000). Dengan penghasilan karya-karya tersebut menunjukkan bahawa beliau seorang penulis yang berpengetahuan luas dan bersemangat waja dalam menyampaikan ajaran Islam kepada umat Islam pada masa tersebut.

### 4.0 DEFINISI DAN HAKIKAT AL-SA'ADAH

Dalam kitab *Hujjah Allah al-Balighah*, Shah Wali Allah telah membahaskan tentang konsep *al-sa'adah* dalam bab yang keempat dengan beberapa bahagian. dalam perbincangan awal ini, penulis hanya memfokuskan beberapa bahagian sahaja daripada keseluruhan perbahasan *al-sa'adah*.

*Al-sa'adah* yang bermaksud kebahagiaan adalah lawan kepada *al-syaqawah* yang bermaksud kecelakaan (al-Attas, 2001). Perbahasan tentang *al-sa'adah* ini merujuk kepada kebahagiaan yang tertinggi dan hakiki hasil daripada keupayaan manusia memperoleh keutamaan-keutamaan akhlak dan kesucian jiwanya (Shah Wali Allah, 1999). Selari dengan pandangan Imam al-Ghazali (1923), kebahagiaan yang hakiki menurut Shah Wali Allah (1999) adalah dapat mengingat Allah SWT dan seterusnya mengenal Allah SWT dengan memiliki keutamaan-keutamaan jiwa dan budi pekerti. Melalui keutamaan dan kesucian jiwa, seseorang dapat membezakan antara jalan kebahagiaan dan kesengsaraan. Manakala kebaikan akhlak atau budi pekerti hanya diperolehi dengan amal ibadah yang berterusan sehingga hilang kebiasaan-kebiasaan yang keji dan mungkar. Inilah jalan utama manusia memperoleh keberkatan dan kenikmatan dunia dan akhirat. Hal ini disabitkan dalam firman Allah SWT, mafhumnya:

(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah.  
Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia. (al-Ra'd 13:28)

Syed Muhammad Naquib-Attas (2001) pula menegaskan *al-sa'adah* pada manusia adalah kemuncak kebahagiaan terakhir iaitu dengan cara menyerahkan diri secara sukarela kepada Islam dengan beriman kepada Allah SWT dan mentaati segala perintah dan laranganNya. Beliau melihat kebahagiaan mempunyai

pertalian dengan dua dimensi kewujudan iaitu kewujudan di dunia dan di akhirat. Ketaatan kepada Allah SWT dan agama Islam adalah jalan utama manusia untuk mendapatkan keberkatan dalam sesuatu amalan. Keimanan manusia ialah suatu keyakinan diri dan kepercayaan yang melibatkan usaha menunaikan tanggungjawab dan amanah yang diberikan kepada Allah SWT. Ia bukan hanya sekadar mengikrarkan keimanan dengan lisan semata-mata tetapi mengaku akan kebenarannya (*tasdiq*) dengan hati serta melaksanakan amalan yang seiring dengan anggota badan. Justeru, penghayatan terhadap Islam melalui keimanan dan ketakwaan, kefahaman akidah dan pemantapan ilmu mampu memberi kebahagiaan dan ketenangan kepada manusia. Firman Allah SWT yang bermaksud:

...sesiapa di antara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal soleh, maka bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka dan tidak ada keimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka dan mereka pula tidak akan berduka cita. (al-Baqarah 2:62)

Shah Wali Allah (1999) menyatakan bahawa manusia memerlukan kebahagiaan yang sempurna bagi menjamin kehidupannya dunia dan akhirat. Sekiranya kebahagiaan tersebut tidak dicapai, ia akan memudaratkan kehidupan manusia. Kebahagiaan hakiki ini hanya akan dicapai apabila diusahakan secara berterusan berdasarkan timbangan akal manusia yang sempurna. Dalam membahaskan kebahagiaan manusia, Shah Wali Allah (1999) mengaitkannya dengan potensi dan keupayaan sifat manusia dari sudut unsur kebinatangan (*bahimiyyah*) dan sifat kemalaikatan (*malakiyyah*). Antara sifat haiwan adalah makan, tidur, berkelahi, ingin menguasai dan lain-lain lagi. Sifat malaikat pula adalah sentiasa taat pada perintah Allah SWT, sentiasa merenungkan keindahan Tuhan dan seumpamanya. Sifat malaikat inilah yang merupakan fitrah manusia dan manusia juga secara fitrah bebas daripada nafsu dan amarah haiwan tersebut (al-Ghazali, 1986). Banyak ayat-ayat al-Quran yang menggambarkan keadaan manusia yang menurut hawa nafsu sehingga meletakkan diri dan jiwanya ke peringkat rendah menyamai nafsu haiwan bahkan lebih lagi. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang larai.(al-A'raf 7:179)

Allah SWT sentiasa membandingkan manusia yang mengikut hawa nafsu dengan haiwan yang paling buruk, sama ada berupa anjing, kera maupun babi sama ada daripada sudut rupa maupun tabiatnya. Dalam hal ini, terdapat dua golongan manusia, iaitu golongan yang menurut hawa nafsu dan golongan yang mengikut wahu Allah SWT (al-Jawziyyah, 2003). Golongan yang menurut hawa nafsu inilah cenderung kepada sifat haiwan dan golongan yang menurut wahu adalah bersifat malaikat.

Bagi Shah Wali Allah (2005), kebahagiaan hakiki bukan sekadar memiliki akhlak yang sempurna, bertamadun, berinovasi dan mempunyai kedudukan yang tinggi. Hal ini kerana asas sifat tersebut juga dimiliki haiwan. Bahkan kebahagiaan sebenar adalah sifat haiwan tunduk kepada sifat malaikat, keinginan nafsu mengikut kehendak akal, sifat malaikat menguasai sifat haiwan dan akal manusia mengatasi nafsu. Secara fitrah, manusia mempunyai sifat malaikat dan sentiasa ingin bertindak mengikut kehendak sifat malaikat, seterusnya ingin mendapat bahagia dan berusaha untuk mencapainya apabila semua sifat haiwan dikuasainya. Firman Allah SWT, maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).(al-Tin 95:4).

Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani yang bercampur (dari pati benih lelaki dan perempuan), serta Kami tetap mengujinya (dengan kewajipan-kewajipan); oleh itu maka Kami jadikan dia berkeadaan mendengar dan melihat.

kerana keadaan itu tidak mencukupi, maka) sesungguhnya Kami telah menunjukkan kepadanya (melalui akal dan Rasul) akan jalan-jalan (yang benar dan yang salah; maka terserahlah kepadanya) sama ada ia bersyukur (dengan beriman dan taat), ataupun ia berlaku kufur (dengan mengingkari kebenaran atau menderhaka).(al-Insan 76:2-3)

Allah SWT telah menciptakan manusia sebaik-baik kejadian, jasad yang sempurna, roh yang suci bersih, dikurniakan ilmu dan pemikiran yang rasional, dapat berbicara dan menguruskan kehidupan dengan sempurna. Manusia secara fitrah juga dikurniakan penglihatan dan pendengaran serta sentiasa bersedia untuk menerima ayat-ayat Allah SWT sekaligus mentaati Allah SWT dan Rasulullah SAW (al-Zuhayli, 2007). Dengan menggunakan pendengaran, penglihatan, hati dan semua pancaindera; setiap insan boleh melakukan amalan ketaatan sebagaimana sifat malaikat bahkan melebihi darjah malaikat. Tabiat dan naluri yang sejahtera serta akal yang sihat, membolehkan manusia membezakan antara jalan kebahagiaan dan jalan kesengsaraan.

Allah SWT juga menciptakan fitrah kecenderungan manusia untuk mencari kebahagiaan, merasakan kelazatan dan menikmati ketenangan hidup, sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

Katakanlah (wahai Muhammad): “Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakanNya?” Katakanlah: “Semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang-orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang-orang yang beriman sahaja) pada hari kiamat”. Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang-orang yang (mahu) mengetahui.(al-A‘raf 7:32)

Allah SWT juga mengadakan naluri ingin bahagia dalam diri manusia dan menyediakan saranan dan kemudahan menuju kebahagiaan. Dia juga memberikan petunjuk yang lurus yang harus ditempuh untuk berbahagia, dan pada puncaknya menghidangkan kebahagiaan itu untuk dinikmati oleh hamba-hambaNya (Hamzah, 1977). Kebahagian adalah fitrah manusia, bersifat malaikat juga adalah fitrah manusia dan segala kebaikan di dunia dan di akhirat adalah fitrah manusia. Namun, segala kebaikan dan keburukan atas pilihan manusia dan Allah SWT telah menunjukkan jalan untuk mencapai fitrah tersebut.

Justeru, sifat malaikat ini diperoleh melalui amal-amal ibadat, iaitu solat dengan khusyuk, puasa dan seumpamanya serta latihan-latihan spiritual (*riyadah*) seperti sentiasa berzikir, berselawat, *mujahadah al-nafs* dan seumpamanya sehingga mencapai akhlak-akhlak yang ideal. Segala amal ibadat manusia akan memperkuatkan sifat kemalaikatan sedangkan latihan-latihan keagamaan akan mendisiplinkan sifat-sifat keharianan (Shah Wali Allah, 2005). Maka, semua manusia yang sihat jasmani dan rohani berpotensi untuk mencapai kebahagiaan tertinggi melalui tingkatan amal ibadat dan amalan-amalan kerohanian. Amalan-amalan tersebut seharusnya dilakukan berulang kali sehingga tiada ruang untuk sifat haiwan menguasai diri manusia.

## **5.0 CARA-CARA MANUSIA MEMPEROLEH KEBAHAGIAAN**

Berdasarkan hakikat kebahagiaan tersebut, terdapat dua golongan manusia yang menempuh cara yang berbeza dalam mencapai tingkatan kebahagiaan (Shah Wali Allah, 2005).

Pertama, para teosofi atau ahli ketuhanan daripada kalangan falsafah dan para *majdhub* daripada kalangan sufi. Golongan teosofi ini digelar *muta'allihun* iaitu ahli falsafah yang menganut mazhab *isyraqi*, atau falsafah iluminasi Syihabuddin Suhrawardi (w. 1191M) atau pengikut mazhab *wujudi* yang mengikuti ajaran Ibn ‘Arabi (w. 1240M) mengenai Kesatuan Wujud. Manakala golongan *majdhub* pula adalah para sufi yang ‘tertarik’ atau ‘tenggelam’ dalam kehadiran Tuhan (Shah Wali Allah, 2005). Golongan *Muta'allihun* ini termasuk dalam aliran paripatetik (*masya'iyyah*) iaitu falsafah ketuhanan yang berasaskan falsafah Aristotalisme, Platonisme dan New-platonisme (Mohd Sulaiman, 1984). Bidang utama falsafah ini

menekankan ketuhanan atau metafizik dan bidang tabiat atau kemanusiaan yang disingkapkan melalui ‘penglihatan spiritual’ dan amalan jalan mistik (iluminasi). Golongan *majdhub* pula dikenali dengan golongan mistikisme, iaitu para sufí yang memilih untuk meninggalkan segala kehidupan dunia. Hanya kesolehan, kefakiran dan kejijikan terhadap kehidupan dunia menjadi keutamaan. Antara tokoh aliran ini adalah al-Hassan al-Basri (w.728M), Rabi‘ah Adawiyyah (w. 801M), al-Muhasibi (w. 857M), Abu al-Qasim al-Junayd (w. 911M) dan lain-lain lagi (Majid Fakhry, 1983).

Golongan ini memperoleh kebahagiaan dengan cara membuang atau menanggalkan sifat dan watak haiwan dalam dirinya. Segala benteng sifat haiwan dibeku dan dirobohkan melalui ilmu dan amal. Dengan lebih jelas lagi, cara ini dilaksanakan dengan melalui pelbagai latihan kerohanian yang kuat dan mantap sehingga segala bentuk kehidupan dunia diabaikan. Apabila sifat kebinatangan ini ditanggalkan sepenuhnya, golongan ini telah bebas daripada dunia material dan mencapai ke alam *Jabarut*.<sup>1</sup> Segala ilmu yang diperoleh ke dalam jiwynya tidak terikat dengan ruang dan masa dengan sepenuhnya (Shah Wali Allah, 1999). Golongan ini juga dikenali sebagai para wali yang mengabdi dan hidupnya semata-mata dengan jalan *riadah* dan *mujahadah* sehingga jiwa dan hatinya benar-benar bersih. Segala ilmu yang diperoleh bukan dengan cara belajar tetapi dianugerahkan secara terus oleh Allah SWT. Amalan zikir, istighfar, solat dan doa menjadi makanan jasad dan rohani sehingga ia tidak melihat dalam wujud alam ini kecuali Allah SWT. Dengan sebab inilah segala kenikmatan dunia diketepikan kerana nikmat yang paling utama adalah dapat mencintai dan dicintai Allah SWT sepenuhnya. Hal-hal keduniaan yang berkait dengan nafsu haiwan akan menjadi penghalang antara dirinya dengan Allah SWT (Mustafa Zahri, 1979). Jadi, kehidupan golongan ini hanya berpusatkan kepada ketuhanan dan hubungan hamba dengan Tuhannya. Segala nafsu *jasadiyah* dinafikan sama sekali. Segala jiwa dan jasadnya diserahkan sepenuhnya kepada Allah SWT. Kehidupannya seolah-olah menyerupai sifat malaikat sepenuhnya bukan hanya sekadar taat kepada Allah SWT bahkan tidak mempedulikan kenikmatan dunia yang berupa harta dan anak-anak, firmanNya yang bermaksud:

Hari yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun, Kecuali (harta benda dan anak-pinak) orang-orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik); (al-Syu‘ara’ 26:88-89)

Inilah tahap kebahagiaan dan kenikmatan tertinggi yang berbeza daripada keseronokan yang biasa diperoleh kebanyakan manusia lain. Malah, golongan ini juga tidak inginkan perkara yang digemari manusia biasa dan tidak takut apa yang ditakuti ramai kerana kehidupannya telah jauh terpisah daripada dunia manusia. Namun, hanya sedikit sahaja daripada golongan ini yang berjaya mencapai tingkatan kebahagiaan tersebut. Selebihnya berada dalam keadaan rindu yang mendalam untuk mencapainya dan akan sentiasa terbeban dengan apa cara sekalipun untuk terus mencapai tingkatan kebahagiaan yang tertinggi tersebut. Namun, cara pertama ini hanya ditunjukkan melalui kiasan-kiasan dan isyarat-isyarat secara tidak langsung oleh Allah SWT (Shah Wali Allah, 1999). Dalam al-Quran, golongan ini digambarkan melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan demi sesungguhnya, Kami telah mencipta manusia dan Kami sedia mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, sedang (pengetahuan) Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya,(Qaf 50:16)

Kedua, golongan *mufahhamun*<sup>2</sup> iaitu kalangan yang menerima bimbingan daripada Allah SWT dan para malaikat. Antaranya para Nabi dan Rasul serta golongan *al-sabiqun* dan *ashab al-yamin*. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Kesudahannya: jika ia (yang mati itu) dari orang-orang “*Muqarrabin*” Maka (ia akan beroleh) rehat kesenangan, dan rahmat kesegaran, serta Syurga kenikmatan. Dan jika ia dari puak kanan,

<sup>1</sup>Salah satu dunia kekuasaan yang paling tinggi berdasarkan mazhab Ibn ‘Arabi dalam kajian kosmologinya.

<sup>2</sup> Shah Wali Allah (1999) telah memperincikan lagi berkenaan golongan ini dalam perbahasan yang ke-enam kitab *Hujjah Allah al-Balighah*.

Maka (akan dikatakan kepadanya): “Selamat sejahtera kepadamu, (kerana engkau) dari puak kanan.” (al-Waqi’ah 56:88-91)

Menurut ulama *muhaqqiqin*, golongan ini yang paling utama kerana telah mewujudkan keseimbangan antara kehidupan dunia dan akhirat (al-Ghazali, 1923). Ia selari dengan tujuan manusia diciptakan untuk menjadi khalifah dan hamba yang sempurna dalam mentadbir urusan dunia dan akhirat.

Golongan ini mencapai kebahagiaan dengan cara menggabungkan sifat haiwan dan sifat malaikat seterusnya sifat malaikat menguasai sifat haiwan. Segala sifat haiwan diperbaiki dan diatur dengan melakukan amal ibadah dan mentaati segala suruhanNya sebagaimana patuhnya para malaikat. Cara ini akan memperbetulkan jiwa manusia, seterusnya akan menghalang penyelewengan dan mencegah seksaan di akhirat. Hal ini kerana setiap jiwa bertindak mengikut sifat malaikat yang mendatangkan kebaikan dan kenikmatan hakiki. Sebaliknya, jiwa yang bertindak mengikut sifat haiwan mendatangkan seksaan sama ada di alam kubur atau di alam mahsyar kelak (Shah Wali Allah, 1999). Sabda Nabi SAW sebagaimana mafhumnya:

Mahukah kamu aku beritahu siapakah ahli syurga, iaitu orang yang lemah dan dipandang rendah (atau suka merendah diri). Sekiranya ia bersumpah nescaya Allah akan membebaskannya. Mahukah kamu aku beritahu kepada kamu siapakah pula ahli neraka, iaitu orang yang bengis, orang yang tamak mengumpul harta tetapi bakhil dan bersifat bongkak.(al-Dhahabi, t.t.:*al-Bara'*, no. Hadis 1140, 301)

Allah SWT telah menciptakan makhluk dalam tiga kategori. Dia menjadikan malaikat yang hanya dianugerahkan akal tanpa diberi syahwat. Dia juga menjadikan haiwan yang dibekali dengan syahwat tanpa diberi akal. Manakala manusia diciptakan dengan diberi akal dan syahwat. Jika seseorang telah mengalahkan akalnya, maka haiwan lebih baik daripadanya. Namun, jika manusia menggunakan akal dan menundukkan syahwatnya, ia menjadi lebih baik daripada malaikat (al-Ghazali, t.t.). Jadi, setiap manusia yang ingin bahagia seharusnya melatih diri daripada menahan nafsu dan syahwat dengan memperbanyakkan amal ibadat sama ada ibadat wajib atau sunat. Hal inilah yang akan mendisiplinkan sifat haiwan dalam diri manusia. Dalam masa yang sama, manusia seharusnya menggunakan akal dengan sebaiknya dalam membezakan antara kebenaran dan kebatilan. Orang yang berakal akan memutuskan angan-angan keduniaan, segera bertaubat, sentiasa mengingat Allah SWT, meninggalkan laranganNya, tidak mengikut hawa nafsu dan sentiasa memikirkan bekalan yang akan dapat membantunya di akhirat kelak. Sifat malaikat akan muncul dalam diri manusia apabila mereka meletakkan akal lebih tinggi daripada nafsu.

Dengan cara ini, manusia dapat memiliki dua bentuk kebahagiaan iaitu kebahagiaan dunia dan akhirat. Kebahagiaan di dunia yang berupa harta dan anak-anak adalah fitrah manusia yang membentuk sesebuah tamadun dan ia perlu diasaskan kepada jiwa yang rasional dan kekuatan daya rohani insan untuk memajukan sesebuah tamadun tersebut. Hal ini bertepatan dengan perutusan para Nabi dan Rasul untuk membimbing umat manusia mentadbir alam dan memikul tugas sebagai hamba khususnya dalam menempuh cara kedua ini. Dengan bimbingan para Nabi dan Rasul, cara kedua ini boleh dicapai oleh semua peringkat golongan manusia (Shah Wali Allah, 1999). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang) (al-Ahzab 33:21)

Kebahagiaan hakiki dan kekal hanyalah kebahagiaan akhirat. Namun, kebahagiaan akhirat tidak akan dicapai tanpa memperoleh kebahagian dunia. Segala harta dan anak-anak adalah kenikmatan dan juga ujian bagi meningkatkan keimanan dan ketakwaan manusia. Sekiranya manusia sentiasa sibuk dengan kenikmatan dunia, maka manusia akan memperoleh kesengsaraan di akhirat kelak. Allah SWT dan Rasulullah SAW tidak menolak segala kebaikan di dunia sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatnya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan (*al-Qasas* 28: 77).

## 6.0 AKHLAK-AKHLAK UTAMA MANUSIA UNTUK MENCAPAI KEBAHAGIAAN

Menurut Shah Wali Allah (1999), manusia memerlukan empat sifat atau akhlak yang utama untuk mencapai kebahagiaan. Empat akhlak inilah yang akan mengekang sifat haiwan yang ada dalam diri manusia. Apabila manusia mempunyai dan menghayati empat akhlak ini, keadaan jiwa manusia akan mencapai alam malaikat tertinggi (*al-Mala' al-A'ala*)<sup>3</sup> dan bergabung dengannya. Empat akhlak ini merupakan penjelasan dan dasar syariat Ilahi yang dibawakan oleh para Nabi dan Rasul. Berikut adalah empat akhlak tersebut.

### 6.1 Kebersihan dan Kesucian (*al-Taharah*)

Hakikat kesucian merujuk kepada fitrah manusia yang sempurna ciptaannya, sihat jasmani dan rohaninya serta bersih lahir dan batin. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan bersihkanlah pakaianmu. Dan tinggalkanlah segala (perbuatan) yang keji.(al-Muddathir 74:4-5)

Manusia perlu menjaga kebersihan diri sama ada luaran (diri, pakaian dan tempat tinggal) maupun dalaman (suci daripada dosa dan maksiat). Kebersihan luaran yang dilazimi akan membersihkan dalaman dengan menjauhi segala dosa dan maksiat. Sesungguhnya kotoran lahiriah menggambarkan banyaknya dosa manusia. Maka, manusia seharusnya meninggalkan segala patung dan berhala yang menjadi punca maksiat dan ditimpa azab dunia dan akhirat (*al-Zuhayli*, 2007).

Fitrah manusia sukakan kebaikan, kesucian dan kebersihan. Asas rukun Islam juga meletakkan kesucian sebagai syarat sah solat. Bersuci adalah wajib dan tanpanya ibadat tidak diterima oleh Allah SWT. Jadi, *taharah* merujuk kepada menghilang hadas dan najis daripada badan, pakaian, dan tempat supaya dapat menunaikan ibadat khususnya ibadat solat (Sulaiman Endut, 2006). Sifat *taharah* ini menekankan aspek penyucian dan kebersihan kepada diri, pakaian dan persekitaran seterusnya membentuk jiwa yang tenang dan damai (Muhammad al-Ghazali, 2000).

Kebahagiaan dicapai apabila manusia bersih dari sudut zahir dan batin. Ketenangan dan kebersihan jiwa manusia pula diperoleh apabila manusia menyucikan diri, pakaian dan tempatnya daripada hadas dan segala kekotoran serta najis. Keadaan tidak suci pada diri dan lain-lain adalah bercanggah dengan hukum Allah SWT terutama berkaitan dengan anggota wuduk dan menyebabkan jiwa berasa pedih. Kesucian jiwa manusia akan menghubungkannya dengan malaikat dan akan sentiasa mengelakkan daripada segala kekotoran. Kekotoran adalah lambang sifat haiwan. Dengan kebersihan inilah yang akan menguatkan jiwa manusia untuk mencapai sifat malaikat kerana para malaikat bersifat suci dan bersih (Shah Wali Allah, 1999). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), Dan sesungguhnya hampalah orang yang

---

<sup>3</sup> Kelompok ini terdiri daripada kalangan malaikat dan jiwa-jiwa manusia yang berkembang (yang telah mencapai kesempurnaan jiwanya) (Shah Wali Allah, 2005). Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: “Aku tidak mempunyai pengetahuan sedikit pun tentang alam yang tinggi (pertengkarannya syaitan dan malaikat) ketika berosak jawab.” (*Sad* 38:69). Disebut juga istilah ini dalam surah *al-Saffat* 37:8.

menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).(al-Syams 91:9-10)

Orang yang bahagia sentiasa menyucikan jiwanya daripada segala sifat keji, iaitu hasad, sangka buruk, sompong, bakhil, riyak dan seumpamanya. Untuk membersihkan jiwa ini, tingkat pertama mestilah membersihkan zahir, iaitu suci daripada najis dan hadas dengan bersuci atau istinjaq, mandi wajib dan berwuduk. Tingkat kedua adalah menyucikan diri daripada dosa lahir yang dilakukan oleh tujuh anggota badan manusia iaitu, mulut, mata, kaki, kemaluan dan lain lagi. Justeru, mulut yang berdusta digunakan untuk berzikir, istighfar atau membaca al-Quran, mata yang melihat benda haram ditukar dengan melihat keagungan ciptaan Allah SWT, kaki yang berjalan untuk bermaksiat dibaiki dengan mencari rezeki yang halal dan berjalan mengerjakan ibadah, kemaluan yang berzina seharusnya digunakan melalui jalan nikah dan lain-lain lagi. Tingkat ketiga pula suci daripada tujuh pembuat dosa batin, iaitu sifat musyrik, hawa nafsu, dendam, khianat, ujub, jahil dan sebagainya disucikan dengan zikrullah (Mustafa Zahri, 1979). Dengan menyucikan jiwa tersebut, akan melahirkan sifat yang terpuji dan disukai oleh Allah SWT.

Manusia yang bersih dan gemar kepada kebersihan sentiasa bersedia untuk menerima ilham para malaikat, mengalami mimpi yang baik dan tergambar perkara yang mendatangkan keberkatan. Mimpi seorang mukmin itu lebih menjurus kepada kebenaran. Berbeza dengan manusia yang berada dalam keadaan kotor dan hadas. Syaitan sentiasa membisikkan was-was dan prasangka buruk kepada manusia tersebut. Jadi, segala tindakan manusia akan dipengaruhi perkara buruk dan jiwanya sentiasa gelisah, cemas, khianat dan seumpamanya (Shah Wali Allah, 1999). Nafsu syahwat adalah musuh utama manusia dan syaitan hanyalah memperalatkan nafsu untuk menguasai manusia. Syaitan menjadikan nafsu sebagai markas atau tempat utama menuju kejahatan. Manusia yang kotor disenangi syaitan dan memudahkan segala urusan syaitan untuk menyesatkan bani Adam AS.

Justeru, akhlak yang suci dan bersih ini lahir daripada kalangan manusia yang menjaga kebersihan zahir dan batin seterusnya dapat memandu manusia mencapai tingkatan alam malaikat tertinggi. Jiwa manusia akan bebas daripada kongkongan nafsu dan syaitan. Jiwa dan jasad yang bersih dan suci juga sentiasa didampingi para malaikat, seterusnya mendapat rahmat dan nikmat yang tidak terhitung daripada Allah SWT.

## 6.2 Kepatuhan Kepada Tuhan atau Kebenaran (*Ikhbat Lillahi Ta’ala*)

Akhlik kepatuhan kepada Tuhan atau Kebenaran merupakan perkara yang paling utama dalam kehidupan manusia. Tujuan utama manusia diciptakan adalah untuk memperhambakan diri kepada Allah SWT. Manusia yang ingkar kepada Tuhan bererti ia menolak kebenaran. Dalam menzhahirkan ketaatan kepada Allah SWT, manusia seharusnya mengagungkan dan memujiNya dengan segala sifat kebesaran sama ada di dalam ibadah, pertuturan mahupun segala perbuatan (al-Zuhayli, 2007). Sesungguhnya Allah SWT Maha Agung daripada segala sekutu sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan agungkanlah Tuhanmu. (al-Muddathir, 74:3)

Sifat kebaikan yang kedua ini merujuk kepada ketaatan dan ketundukan diri manusia dalam mengagungkan kebesaran Allah SWT. Kepatuhan ini didapati dengan menghayati semua amalan yang diterima daripada para Nabi, memerhati semua roh dan cahaya amalan, memperbanyak dan menjaga semua gaya amalan serta zikir (Shah Wali Allah, 1999). Dengan ketaatan tersebut, manusia akan berasa dirinya hina dan lemah kerana semua kekuatannya berada pada Allah SWT. Keadaan ini juga menjadikan jiwa manusia hampir kepada sifat malaikat yang sentiasa menumpukan kepada kebesaran Allah SWT. Dengan ini, manusia akan dapat menerima segala kebenaran dan bersedia melaksanakan segala perintah Allah SWT seperti para malaikat (Abdul Salam, 2007).

Allah SWT tidak menciptakan manusia untuk melakukan kerosakan, main-main atau hanya sekadar makan, minum, tidur dan berkahwin, sebaliknya supaya manusia taat dan patuh kepada setiap suruhan dan

laranganNya. Orang yang berakal adalah orang yang tunduk sujud penuh keikhlasan kepada Allah SWT dan orang yang paling bodoh adalah orang yang menderhakai Allah SWT dan RasulNya. Manusia juga akan menjadi kaya sekiranya mencintai para ulama dan golongan soleh (al-Jaylani, 1983). Dasar ketaatan tersebut adalah mengenal Allah SWT, takut kepadaNya, mengharap keredaanNya serta selalu mendekatkan diri kepadaNya. Inilah hakikat keimanan yang sentiasa diamalkan oleh para malaikat.

Akhlik kepatuhan ini penting kepada manusia yang mahu mencari kebenaran. Apabila manusia taat dan patuh sepenuhnya kepada perintah Allah SWT, jiwa rasionalnya akan sempurna dan bersedia menerima ilham dan ilmu yang benar daripada Allah SWT sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

Kehidupan dunia (dan kemewahannya) diperhiaskan (dan dijadikan amat indah) pada (pandangan) orang-orang kafir, sehingga mereka (berlagak sombang dan) memandang rendah kepada orang-orang yang beriman. Padahal orang-orang yang bertaqwah (dengan imannya) lebih tinggi (martabatnya) daripada mereka (yang kafir itu) pada hari kiamat kelak. Dan (ingatlah), Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak terkira (menurut undang-undang peraturanNya).(al-Baqarah 2:212)

### 6.3 Kemurahan Hati atau Tolak Ansur (*al-Samahah*)

Akhlik ini penting kepada manusia dalam membina tamadun yang unggul. Kemurahan hati atau tolak ansur adalah suatu keadaan sifat malaikat yang akan menguasai sifat haiwan dalam diri manusia. Sifat ini akan mendorong nafsu manusia supaya tidak mengikut kehendak-kehendak haiwan dalam dirinya terutama sifat bengis, rakus, bakhil, tamak dan bermegah-megah. Tanpa sifat murah hati ini, jiwa rendah manusia akan tewas kepada keinginan nafsu haiwan tersebut (Shah Wali Allah, 1999), sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

(Oleh sebab orang yang kufur ingkar tidak percayakan hari akhirat) maka ia tidak mengakui kebenaran (yang diwajibkan meyakininya) dan ia tidak mengerjakan sembahyang (yang difardukan mengerjakannya)! Akan tetapi ia mendustakan, dan berpaling ingkar! Kemudian ia pergi kepada keluarganya dengan berlagak sompong megah.(al-Qiyamah 75:31-33)

Hal ini kerana jiwa rendah manusia sentiasa terarah kepada hal-hal keduniaan yang bersifat sementara seperti kemewahan harta, makanan yang lazat, perempuan yang cantik dan seumpamanya. Dorongan yang kuat daripada sifat haiwan pula membuatkan manusia berusaha memiliki sepenuhnya hal-hal keduniaan tersebut. Sekiranya perkara tersebut tidak dapat dicapai, jiwanya berasa pedih dan sentiasa tidak tenang. Sebaliknya, sifat murah hati ini akan membebaskan jiwa rendah yang sentiasa dalam kesempitan kepada jiwa rasional yang berlapang dada menerima segala ketentuan Tuhan untuk memperoleh kebahagiaan di akhirat kelak (Shah Wali Allah, 1999). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan kerana Tuhanmu, bersabarlah.(al-Muddathir 74:7)

Ayat ini menjelaskan keutamaan sifat sabar bagi manusia dalam menghadapi kerentahan manusia lain dan dalam mematuhi perintah dan beribadat kepada Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa bersama dengan orang-orang yang sabar (al-Zuhayli, 2007). Sifat kemurahan hati adalah lahir daripada sifat sabar dalam menahan segala nafsu dan sifat tercela. Sifat kemurahan hati ini dimiliki Nabi Muhammad SAW supaya ia menjadi ikutan umat Islam seluruhnya, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaualah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya. (Ali Imran 3:159)

Maka, sifat kemurahan hati ini melahirkan pemikiran yang positif dan sentiasa bersangka baik kepada Allah SWT dan sesama makhluk. Sabar dengan kesulitan dan kemewahan dunia, menahan diri daripada nafsu makan dan syahwat, ikhlas memberi dan menerima harta kekayaan serta bijak dalam mengatur urusan dan suruhan Ilahi. Manusia dengan jiwa rasionalnya akan bebas daripada keinginan duniawi dan sentiasa mempersiapkan diri untuk memperoleh kenikmatan yang lebih tinggi di hari akhirat kelak. Inilah sifat malaikat yang perlu diamalkan manusia yang cintakan kebahagiaan hakiki.

#### **6.4 Keadilan (*al-'Adalah*)**

Keadilan adalah sifat atau akhlak yang paling utama dalam tuntutan syariah Islam. Ia terbentuk daripada tiga akhlak di atas dan saling berkaitan. Jiwa rasional sentiasa bertindak dengan adil, iaitu ketundukan makhluk sesuai dengan tempatnya dan meletakkan sesuatu juga sesuai pada tempatnya. Segala perkara yang dilakukan mestilah disertai dengan akal yang sedar, benar tauhidnya, sempurna makrifatnya dan penuh kejujuran serta keikhlasan (al-Ghazali, t.t.). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahwasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.(Ali Imran 3:18)

Sifat adil dalam jiwa rasional melahirkan tindakan untuk menegakkan sebuah tamadun yang maju dan sistematik. Sifat adil boleh dipupuk dan ia juga lahir hasil daripada perselisihan dan kezaliman. Manusia yang adil sentiasa mahu memperbaiki peraturan hidup masyarakat supaya sesuai dengan kehendak Allah SWT. Inilah sifat malaikat yang sentiasa bertindak atas suruhan Allah SWT bukannya untuk kepentingan peribadi (Shah Wali Allah, 1999), sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

Dan janganlah engkau (Muhammad) memberi sesuatu untuk mendapatkan (balasan) yang lebih banyak.(al-Muddathir 74:6)

Dalam ayat ini, Rasulullah SAW diutuskan untuk menyampaikan wahyu dan menegakkan keadilan kepada umat manusia dan Baginda SAW ditegah meminta balasan daripada para sahabat dan lainnya atas tugasnya. Allah SWT juga menasihatkan supaya Baginda SAW melaksanakan segala suruhanNya dengan penuh ikhlas dan memperbanyakkan amal soleh (al-Zuhayli, 2007). Inilah akhlak Rasulullah SAW yang menjadi ikutan seluruh makhluk dalam menegakkan keadilan dengan penuh keikhlasan dan ketaatan kepada Allah SWT.

Akhlik keadilan yang sebat dengan jiwa manusia akan menyerupai malaikat yang memikul ‘Arasy. Ia menjadi penghubung antara manusia dengan malaikat, seterusnya mendapat keberkatan dan kemurahan daripada Allah SWT. Sesungguhnya para malaikat berdoa untuk orang yang berusaha menegakkan keadilan dalam kalangan masyarakat. Jiwanya juga bebas daripada ikatan jasmani dan terdorong ke arah ilham malaikat. Jika manusia mati dengan sifat adil, jiwanya rasa gembira. Jika sebaliknya, jiwa manusia rasa terhimpit dan diazab serta jauh daripada rahmat Allah SWT. Dengan sebab inilah Allah SWT mengutuskan para Nabi dan Rasul untuk mengatur urusan agama dan mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya petunjuk serta menegakkan keadilan untuk manusia (Shah Wali Allah, 1999).

Empat sifat inilah yang dinamakan sebagai fitrah manusia dan akan kekal sepanjang zaman selagi adanya manusia. Fitrah inilah yang dikatakan agama tulen yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia (Abdul Salam, 2007). Inilah maksud firman Allah SWT:

Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Islam), (mengikut) fitrah Allah disebabkan Dia telah menciptakan manusia menurut (fitrah itu). Tidak ada perubahan pada ciptaan Allah. (Itulah) agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. (al-Rum 30:30)

Setiap manusia patut memahami keempat-empat akhlak ini kerana ia merupakan perkara asas pada semua agama. Sesungguhnya akhlak dan sifat ini boleh dipelajari dan diamalkan. Sekiranya manusia memahami dan menghayati hakikat akhlak ini serta faham dasar syariat Ilahi, maka ia memperoleh anugerah kebaikan dan rahmat daripada Allah SWT serta menjadi mukmin yang sempurna (Shah Wali Allah, 1999).

Jika diperhalusi, empat sifat ini adalah bersifat peribadi tetapi ia akan dapat membina sebuah tamadun apabila setiap masyarakat memandangnya sebagai suatu perkara yang penting dan perlu dimiliki setiap golongan manusia.

## **7.0 KAEADAH-KAEADAH MENCAPAI AKHLAK UTAMA**

Menurut Shah Wali Allah (1999), terdapat dua cara untuk mencapai empat akhlak tersebut, iaitu melalui kesempurnaan intelektual atau ilmu dan melalui amal ibadat.

### **7.1 Melalui Ilmu**

Empat akhlak yang menjadi dasar agama tersebut boleh difahami dan dipelajari kerana Allah SWT telah mengutuskan para Nabi dan Rasul untuk membimbing manusia. Allah SWT juga telah menyediakan kitab al-Quran sebagai panduan manusia. Keempat akhlak ini dibahaskan oleh Shah Wali Allah (1999) berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Jadi, manusia boleh mempelajarinya dengan mudah bahkan menjadi kewajipan kepada manusia untuk menuntut ilmu tentang dasar agama dan syariat Allah SWT.

Dalam al-Quran, Shah Wali Allah (1999) telah mengklasifikasikan lima ilmu utama yang menjadi dasar panduan umat Islam.<sup>4</sup> Tiga daripadanya adalah pengaturan intelektual kepada para Nabi, iaitu (Nabi Ibrahim AS) (i) peringatan kepada manusia akan ayat-ayat Allah, sifat-sifatNya yang agung dan nikmat-nikmatNya yang luas meliputi alam semesta dan manusia. (Nabi Musa AS) (ii) penjelasan mengenai balasan Allah SWT terhadap orang yang taat dan derhaka, Dia berkuasa mengubah nikmat menjadi kesengsaraan dan sebaliknya. (iii) peringatan dan khabar gembira tentang peristiwa-peristiwa di alam kubur dan selepasnya serta penjelasan tentang pahala dan dosa. Dua ilmu lainnya (Nabi Muhammad SAW) adalah (iv) penjelasan tentang hukum wajib dan haram dan sebagainya, (v) ilmu perdebatan dengan orang-orang kafir.

Imam al-Ghazali(Abul Quasem, 1987) juga membahagikan enam jenis teras dan matlamat al-Quran diturunkan kepada manusia. Tiga daripadanya sebagai dasar dan prinsip-prinsip penting dan tiga lagi sebagai huraian dan penyempurnaan kepada tiga yang pertama. Tiga bahagian utama adalah mengenai pengenalan tentang Allah SWT, pengenalan jalan yang lurus yang mesti dilalui untuk menuju ke arahNya dan pengenalan tentang keadaan ketika sampai kepadanya. Hal ini dinyatakan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Tunjuklah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murka, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.(al-Fatihah 1:6)

Tiga bahagian huraian pula adalah (i) menghuraikan keadaan insan yang menyahut seruanNya dan layanan Allah yang baik terhadapnya, rahsia dan tujuannya yang boleh menimbulkan keinginan kepadaNya; (ii) mengandungi kisah keadaan orang-orang yang menentang Allah SWT dan mendedahkan kecelaan mereka dan kebodohan mereka dalam berdialog dan berhujah menolak yang *haq*; (iii) mengandungi pengenalan tentang tahap-tahap jalan menuju Allah SWT dan cara menyediakan bekalan dan persediaan untukNya (Abul Quasem, 1987).

Dasar kepada pembahagian ilmu tersebut dapat difahami bahawa ilmu yang paling utama dan wajib dipelajari adalah ilmu akidah, syariat dan akhlak. Dengan ilmu, manusia dapat meningkatkan lagi keimanan melalui amal soleh sehingga dapat membentuk jiwa yang sempurna sebagaimana sifat malaikat.

<sup>4</sup> Tema mengenai lima ilmu al-Quran ini dihuraikan dalam kitab beliau mengenai tafsir al-Quran, *al-Fawz al-Kabir fi Usul al-Tafsir*.

Empat akhlak ini saling berkaitan dengan ilmu-ilmu tersebut. Dengan ilmu dan pengetahuan tersebut, akan menimbulkan perasaan malu atau takut dalam jiwa manusia untuk tunduk pada sifat haiwan. Bahkan segala ilmu dan pengetahuan agama yang bersifat fitrah akan menarik hadirnya fitrah atau akhlak utama dalam jiwanya. Antara perkara yang bersesuaian dengan fitrah adalah meyakini kewujudan Tuhan yang sempurna dan suci daripada segala kekotoran manusia bahkan tidak ada seorang pun yang dapat menolak segala hukum dan ketentuanNya. Dengan mempelajari ilmu agama, manusia meyakini sepenuhnya kepada kekuasaan Tuhan. Ia juga mengetahui bahawa keadaan yang terbaik adalah menyerupai dan meniru sifat malaikat yang mana akan mendekatkannya kepada Allah SWT. Manusia juga akan mengetahui secara pasti kebahagiaan tertinggi terletak pada jiwa rasional atau bergabung dengan *al-Mala' al-A'la* (Shah Wali Allah, 1999).

Dengan sebab inilah sejak dilahirkan manusia diwajibkan untuk mempelajari rukun Iman dan Islam kerana ia bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia dan selari dengan akhlak-akhlak utama tersebut.

## 7.2 Melalui Amal

Jalan amal ibadat ini sangat penting bagi manusia untuk mendapatkan empat akhlak utama, iaitu melakukan segala sikap, perbuatan dan pelbagai perkara ke arah sifat malaikat secara berterusan (Shah Wali Allah, 1999). Maksudnya segala amalan itu seharusnya dilakukan secara berterusan sehingga sebatи dalam jiwa manusia dan menjadi amalannya hingga ke akhir hayat. Konsisten atau istiqamah dalam melaksanakan ibadat amat disukai oleh Allah SWT, sebagaimana sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Amalan yang paling disukai Allah ialah amalan yang paling berterusan dilakukan meskipun sedikit (Muslim, 2003: *Bab Fadilah al-'Amal al-Da'im min Qiyam al-Layl wa Ghayrih*, no. Hadis 782, 359).

Dalam hal ini, sifat *taharah* diperolehi dengan membiasakan diri untuk sentiasa menjaga kebersihan seperti mandi, berwuduk, berpakaian cantik, dan memakai wangi-wangian. Kebiasaan seperti itu akan memperingatkan jiwa akan sifat-sifat kesucian. Segala sifat buruk dan kotoran amat dibenci para malaikat dan merendahkan jiwa manusia sebagaimana sifat haiwan. Bagi mencapai sifat kerendahan hati dan kepatuhan kepada Allah SWT pula, adalah sentiasa melakukan ibadat khususnya solat, puasa, zakat, haji dan lain-lain lagi. Ibadat-ibadat ini perlu dilakukan dengan sempurna seperti berdiri menundukkan kepala dan sujud dalam menunaikan solat. Perbuatan tersebut memberi gambaran kepada bentuk keagungan terhadap Allah SWT (Shah Wali Allah, 1999). Segala amal ibadat ini akan dapat menolak hasutan syaitan dalam memperdayakan nafsu untuk melakukan kemungkar dan menderhaka kepada Allah SWT. Segala ibadah juga dapat menghapuskan sifat dengki, hasad, buruk sangka dan permusuhan. Dengan ilmu dan amal ibadat, maka sempurnalah iman seseorang Muslim (Mustafa Daud, 1988).

Akhlik kemurahan hati pula diperoleh dengan sentiasa membiasakan diri untuk bersedekah, berkorban jiwa raga, memaafkan setiap kesalahan, sabar dalam menghadapi kesusahan dan seumpamanya. Segala sifat ini seharusnya diamalkan setiap masa supaya dapat menghindari nafsu haiwan yang melekat dalam jiwa manusia. Inilah sifat malaikat yang membuatkan jiwa manusia tidak terikat dengan tipu daya dunia dan jiwanya akan sentiasa berada dalam keadaan tenang dan aman. Sifat keadilan juga dapat dimiliki dengan sentiasa mengawal diri untuk berada dalam landasan petunjuk al-Quran dan al-Sunnah (Shah Wali Allah, 1999).

Dengan ilmu dan amal, manusia dapat mencapai sifat malaikat yang akan membawa manusia menikmati kebahagiaan yang hakiki dunia atau akhirat. Islam juga agama yang sarat dengan ilmu pengetahuan dan menuntut setiap umat Islam untuk mengamalkan segala ilmu tersebut. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian - Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.(al-'Asr 103:1-3)

Empat perkara yang memastikan manusia terhindar daripada kerugian dan kecelakaan itulah yang menjadi formula kebahagiaan, iaitu iman, amal soleh atau takwa, saling berpesan menjalankan kebenaran dan kesabaran (H. Hamzah, 1977). Sehubungan itu, jiwa yang luput daripada empat perkara tersebut adalah manusia yang rugi, sebaliknya manusia yang memiliki keempat-empatnya adalah manusia yang beruntung dan berbahagia.

## 8.0 KESIMPULAN

Konsep *al-sa‘adah* menurut Shah Wali Allah telah dijelaskan secara terperinci dalam kitab *Hujjah Allah al-Balighah*. Perbincangan tentang kebahagiaan ini dilihat selari dengan al-Quran dan al-Sunnah di mana ia merujuk kepada kebahagiaan hakiki yang boleh dicapai oleh semua peringkat golongan manusia. Ia menekankan kebahagiaan yang akan diperoleh di akhirat kelak. Namun, kebahagian akhirat tidak akan dicapai tanpa mendapatkan kebahagiaan dan ketenangan di dunia.

Terdapat dua bentuk kebahagiaan di dunia, iaitu kebahagiaan yang sebenar dan kebahagiaan sementara atau salah faham manusia tentang bahagia. Kebahagiaan sebenar inilah yang akan membawa manusia kepada kebahagian akhirat. Kebahagiaan yang sementara ini biasanya akan membinasakan manusia seperti mengejar harta kemewahan dunia, pangkat dan darjah, memenuhi kepuasan jasmani dan syahwat semata-mata. Segala bentuk kenikmatan ini hanya bersifat sementara dan akan merosakkan jiwa manusia sehingga dilaknat oleh malaikat, Nabi SAW bahkan Allah SWT.

Kebahagiaan hakiki adalah tunduknya jiwa rendah kepada jiwa rasional atau tunduknya sifat haiwan kepada sifat malaikat. Bagi mengekang sifat haiwan tersebut, manusia memerlukan empat akhlak utama yang menjadi dasar kepada ajaran agama iaitu *taharah*, *ithbat lillah ta’ala*, *samahah* dan *‘adalah*. Keempat-empat sifat ini merupakan fitrah manusia yang telah wujud dalam jiwynya dan hanya boleh dicapai dengan ilmu dan amal. Ia juga merupakan sifat malaikat yang dengannya jiwa manusia dapat bergabung dengan keadaan malaikat tertinggi (*al-Mala’ al-A‘ala*) dan menerima segala kebaikan daripada Allah SWT. Inilah kebahagiaan hakiki yang dijanjikan oleh Allah SWT kepada jiwa-jiwa yang tenang. Pada tahap inilah manusia akan memperoleh jiwa yang sempurna dan dapat meraih kebahagiaan dan cinta Allah SWT dan RasulNya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai jiwa yang tenang! Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang reda dan direndaiNya.  
Maka masuklah ke dalam golongan hamba-hambaKu. Dan masuklah ke dalam syurgaKu.(al-Fajr 89:27-30)

## Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Abdul Salam Muhammad Syukri. (2007). *Dimensi Pemikiran Shah Waliullah al-Dihlawi Dan Pengaruhnya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Abul Quasem, Muhammad.(1987). *Jawahir al-Quran*. Abdul Rahman Rukaini (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2001). *Prolegomena To The Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Dihlawi, Shah Wali Allah. (1999). *Hujjah Allah al-Balighah*. Cet. ke-3. Beirut: Dar Ihya’ al-Ulum.
- (2005). *Hujjah Allah al-Balighah*. Nuruddin Hidayat & C. Romli Bihar Anwar (terj.). Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta.
- Al-Dhahabi, Abi ‘Abdullah Muhammad b. Ahmad b. Uthman. (t.t.). *Mizan al-I‘tidal fi Na‘tad al-Rijal*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.

- Al-Farisi, ‘Ala al-Din ‘Ali b. Balban. (1993). *Sahih Ibn Hibban bi Tartib Ibn Balban*. Cet. 2. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad.(t.t.). *Mukasyafah al-Qulub al-Muqarrib Ilia ‘Allam al-Ghuyub*. Beirut: Mu’assasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- (1923). *Mizan al-‘Amal*. Kahirah: Muhy al-Din Sabri al-Kurdi.
- (1986). *Kimiya’ al-Sa‘adah*. Johor: Penerbit Mizan.
- Al-Ghazali, Muhammad. (2000). *The Socio-Political Thought of Shah Wali Allah*, ed. Zafar Ishaq Ansari, Islamabad: t.p.
- Al-Hadad, Abi ‘Abdullah Mahmud b. Muhammad. (1987). *Takhrij Ahadith Ihya’ ‘Ulum al-Din*. Riyadh: Dar al-‘Asimah li al-Nasy bi al-Riyadh.
- Al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. (2003). *Raudhah al-Muhibbin wa Nuzhah al-Musytaqin*. Kathur Suhardi (terj.). Selangor: Albaz Publishing & Distribution Sdn. Bhd.
- Al-Jaylani, Abdul Qadir. (1983). *Al-Fath al-Rabbani wa al-Fadh al-Rahmani*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Razi, Fakhr al-Din. (t.t.). *Al-Tafsir al-Kabir*. Juz. 1. Kaherah: al-Matba’ah al-Bahiyah al-Misriyah.
- Al-Siyalkuti, Muhammad Basyir. (1999). *Al-Imam al-Mujaddid wa al-Muhaddith Shah Wali Allah al-Dihlawi*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (2007). *Tafsir al-Munir*. (terj.). Juz. 29. Selangor: Persatuan Ulama Malaysia & Intel Multimedia & Publication.
- Azharudin Mohamed Dali. (2002). “Ulama dan Gerakan Revivalis Islam di India Antara 1700-1850an”. *Jurnal Usuluddin* 16; 51-74.
- Fakhry,Majid. (1983). *A History of Muslim Philosophy*. Cet. 2. New York: Columbia Uni-Press.
- H. Hamzah Ya‘qub. (1977). *Tingkat Ketenangan dan Kebahagiaan Mu’mín*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Jalbani, G.N. (1993). *Life of Shah Waliullah*. Lahore: SH. Muhammad Ashraf.
- Mohd Sulaiman Yasin. (1984). *Pengantar Falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muslim, Abi al-Husayn. (2003). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Mustafa Daud. (1988). *Beberapa Aspek Pemikiran al-Maududi*. Mohamed A. Kadir (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Zahri. (1979). *Kunci Memahami Ilmu Tasawuf*. Surabaya: PT Bina Ilmu.
- Sharif, M. M. (1966). *History of Muslim Philosophy*. Vol. 2. Wiesbaden: Otto Harrassowitz.
- Sulaiman Endut. (2006). *Asas-asas Fardu Ain*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.